



GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK NEGERI KEDAH 2019

#KedahGoGreen

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Penguatkuasaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah 2019 disediakan bertujuan sebagai asas panduan serta rujukan bagi pematuhan kepada semua premis perniagaan yang dikategorikan terlibat dengan pelaksanaan kempen tersebut. Penyediaan Garis Panduan Penguatkuasaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik juga bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi pelaksanaan kempen secara bersepadu dan holistik.

2.0 LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri Kedah selaras dengan dasar **Melestarikan Alam Sekitar** berhasrat untuk menjadikan Negeri Kedah Darul Aman sebagai sebuah negeri yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan, selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat. Berteraskan kepada dasar ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memelihara, memulih serta mempertahankan alam sekitar dan ekosistem di Negeri Kedah.

Penggunaan beg plastik tanpa kawalan mampu memberi ancaman besar kepada alam sekitar dan kesihatan jika tiada perancangan yang teliti mengenai pengurusan penggunaan bahan plastik tersebut. Beg plastik mengambil masa 400 hingga 1000 tahun untuk mereput sepenuhnya sebelum ia menjadi partikel halus. Beg plastik biasanya dihasilkan dari bahan kimia bertoksik seperti *xylene*, *ethylene oxide* dan *benzene* yang mampu memudaratkan alam sekitar dan kesihatan. Justeru itu, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik telah diperkenalkan di Negeri Kedah sebagai salah satu teras utama dalam pelaksanaan dasar **Melestarikan Alam Sekitar**.

3.0 OBJEKTIF

Objektif utama pelaksanaan kempen Hari Tanpa Beg Plastik adalah bertujuan: -

- (i) Mengurangkan kuantiti penggunaan jumlah beg plastik yang memudaratkan alam sekitar;
- (ii) Meningkatkan kesedaran dalam memelihara alam sekitar;
- (iii) Menjayakan agenda kelestarian alam sekitar di Negeri Kedah

- (iv) Mengurangkan perbelanjaan negeri bagi kos pelupusan sisa pepejal melibatkan beg plastik; dan
- (v) Sebagai tindakbalas ke atas kajian yang menunjukkan bahawa peningkatan kes banjir kilat dan demam denggi adalah disebabkan oleh pembuangan beg plastik secara berleluasa ke laluan air, parit dan sungai.

4.0 PRINSIP DAN KONSEP

Secara asasnya, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik akan menggunakan prinsip dan konsep yang masih mengekalkan kenaaan kutipan **RM0.20 sen bagi setiap helai beg plastik** yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran premis-premis perniagaan yang ditetapkan. Hasil kutipan yang diperolehi dari jualan beg plastik tersebut mesti diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Beg plastik merujuk kepada sebarang bentuk beg yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran, di mana komponen asasnya diperbuat daripada plastik (polimer sintetik/semi sintetik) dan juga termasuk beg plastik bio-degradasi (*bio-degradable plastic bag*). **Plastik bagi pembungkusan (wrapper) produk/minuman/makanan tidak termasuk sebagai kategori beg plastik yang dikenakan caj RM0.20 sen dalam kempen ini.**

Kutipan terkumpul yang diterima akan **digunakan bagi tujuan program-program kebajikan masyarakat dan pembasmian kemiskinan** di daerah dan kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

5.0 PUNCA KUASA

Pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik adalah melalui syarat tambahan permohonan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu: -

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.”

Berdasarkan sub-seksyen ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai kuasa untuk mewajibkan premis perniagaan supaya turut serta dalam Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah.

6.0 GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN

6.1 PENDAFTARAN

- (i) Premis perniagaan yang wajib berdaftar dengan Pelaksanaan Kempen ini adalah terdiri daripada semua premis perniagaan sedia ada dan premis perniagaan baharu yang akan mula beroperasi dalam kategori berikut: -
- (a) Pasaraya Hyper (*Hypermarket*);
 - (b) Pasaraya Besar (*Supermarket*);
 - (c) Pasaraya Serbaneka (*Departmental store*);
 - (d) Kedai Serbaneka (*Convenient store*);
 - (e) Restoran Makanan Segera (*Fast Food Restaurant*);
 - (f) Kedai Serbaneka Stesen Minyak (*Petrol Station Convenient Store*);
 - (g) Kedai Rangkaian (*Chain Store*);
 - (h) Farmasi (*Pharmacy*); dan
 - (i) Lain-lain premis perniagaan berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai ini pada masa akan datang (*Others*).
- (ii) Pasar awam dan penjaja adalah **dikecualikan**.
- (iii) Setiap premis perniagaan yang disenaraikan dibawah para 6.1 (i) **sama ada membekalkan atau tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna** perlu berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berikut: -
- Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS);
 - Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK);
 - Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPL);
 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK);
 - Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP);
 - Majlis Daerah Baling (MDB);
 - Majlis Daerah Pendang (MDP);

- Majlis Daerah Padang Terap (MDPT);
 - Majlis Daerah Sik (MDS);
 - Majlis Daerah Bandar Baharu (MDBBB);
 - Majlis Daerah Yan (MDY);
 - PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim.
- (iv) Merujuk senarai PBT di bawah para 6.1 (iii), premis perniagaan yang memohon lesen premis perniagaan di dalam salah satu kawasan pentadbiran PBT di Negeri Kedah, perlu berdaftar melalui PBT berkenaan.
- (v) Setiap premis perniagaan sedia ada di bawah kategori para 6.1 (i) diberi tempoh selama **30 hari** untuk membuat pendaftaran dalam kempen Hari Tanpa Beg Plastik bermula pada **01 April 2019**.
- (vi) Setiap premis perniagaan baharu di bawah kategori para 6.1 (i) yang baru memulakan perniagaan bermula **01 Mac 2019** dan seterusnya perlu serta merta berdaftar dengan kempen Hari Tanpa Beg Plastik serentak dengan permohonan lesen premis perniagaan melalui PBT yang berkaitan.
- (vii) Satu pendaftaran adalah untuk satu premis perniagaan. Perniagaan yang mempunyai cawangan perlu mendaftarkan setiap cawangan secara individu berdasarkan lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT.
- (viii) Lokasi bagi pendaftaran adalah seperti berikut: -

Rujuk **LAMPIRAN A1**
- (ix) Masa pendaftaran adalah setiap **AHAD hingga RABU** dari jam **8.00 pagi hingga 4.30 petang** dan **KHAMIS** dari jam **8.00 pagi hingga 3.00 petang**. (tertakluk kepada PBT masing-masing)
- (x) Setiap pendaftaran atau pembaharuan perlu menggunakan Borang PB-A (**LAMPIRAN A**) mengikut PBT masing-masing dan disertakan bersama sesalinan photostat: -

- (a) Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM); dan
- (b) Lesen Premis Perniagaan.
- (xi) Setiap premis perniagaan yang berdaftar akan diberikan **nombor pendaftaran kempen khusus** yang perlu digunakan sebagai rujukan bagi setiap urusan yang melibatkan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik.
- (xii) Nombor pendaftaran kempen khusus yang diberikan akan **KEKAL** dengan premis perniagaan selagi ianya masih beroperasi di lokasi yang sama. Pendaftaran baharu perlu dibuat sekiranya perniagaan berpindah.
- (xiii) Setiap premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT akan diberikan **Sijil Penyertaan Premis Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah** (Rujuk **LAMPIRAN B**) yang diberikan premis perniagaan membuat kutipan RM0.20 sen bagi setiap helai beg plastik yang dibekalkan di kaunter bayaran kepada pengguna.
- (xiv) Sijil Penyertaan Premis Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah adalah **eksklusif** kepada perniagaan atau premis yang memohon dan **tidak boleh dipinjam/pindahmilik** kepada mana- mana perniagaan atau premis lain.
- (xv) Sijil Penyertaan Premis Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah **mesti dipamerkan dengan jelas untuk dilihat oleh pengguna sebagai bukti kebenaran** untuk membuat kutipan RM0.20 sen bagi setiap helai beg plastik yang dikeluarkan kepada pengguna.
- (xvi) Hanya premis perniagaan berdaftar sahaja dibenarkan untuk membuat kutipan RM0.20 sen bagi setiap helai beg plastik yang dikeluarkan.
- (xvii) Premis perniagaan yang **membuat kutipan tanpa berdaftar dengan PBT akan dikenakan tindakan** di bawah Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 melalui **PEMBATALAN lesen premis perniagaan**.

- (xviii) Pendaftaran Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah hanya sah untuk tempoh **satu (1) tahun** dan perlu diperbaharui setiap tahun apabila tamat tempoh yang ditetapkan.
- (xix) Tempoh sah laku Sijil Penyertaan Premis Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah akan diselaraskan ke tarikh tamat Lesen Premis Perniagaan.
- (xx) Pendaftaran Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah perlu diperbaharui setiap tahun sebagai satu syarat bagi proses pembaharuan lesen perniagaan.

6.2 KAEDAH KUTIPAN

- (i) Setiap premis perniagaan yang telah berdaftar dengan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah dibenarkan untuk mengenakan caj sebanyak **RM0.20 sen bagi setiap helai beg plastik** yang dibekalkan kepada pelanggan di premis perniagaan semasa membuat bayaran.
- (ii) Kutipan terkumpul bagi penggunaan beg plastik di premis perniagaan terlibat dengan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah perlu diserahkan kepada PBT selewat-lewatnya pada 15 haribulan setiap bulan berikutnya berpandukan jadual berikut: -

BULAN KUTIPAN	TARIKH SERAHAN
Januari	1 – 15 Februari
Februari	1 – 15 Mac
Mac	1 – 15 April
April	1 – 15 Mei
Mei	1 – 15 Jun
Jun	1 – 15 Julai
Julai	1 – 15 Ogos
Ogos	1 – 15 September
September	1 – 15 Oktober
Oktober	1 – 15 November
November	1 – 15 Disember
Disember	1 – 15 Januari

(tarikh serahan tertakluk kepada pindaan oleh Kerajaan Negeri Kedah)

- (iii) Serahan kutipan perlu menggunakan BORANG PB-S (Rujuk **LAMPIRAN C**) beserta maklumat inventori stok beg plastik perniagaan dan dikemukakan di kaunter bayaran PBT yang berkaitan.
- (iv) Serahan kutipan perlu diserahkan menggunakan cek atas nama PBT masing - masing mengikut kawasan premis perniagaan didaftarkan.
- (v) Serahan kutipan mesti diserahkan secara individu mengikut premis perniagaan yang didaftarkan menggunakan BORANG PB-S mengikut premis perniagaan beserta cek bagi kutipan.
- (vi) Serahan kutipan mesti dibuat di kaunter urusniaga di PBT berkenaan seperti di **LAMPIRAN C** pada hari dan masa kaunter dibuka.
- (vii) Premis yang mempunyai lebih dari satu cawangan dibenarkan membuat serahan menggunakan satu cek secara bersekali. Walau bagaimanapun, **BORANG PB-S** masih perlu diisi mengikut premis yang didaftarkan.

Contoh: -

Syarikat Z mempunyai lima (5) cawangan iaitu A, B, C, D dan E. Cawangan A, B & C beroperasi di kawasan MBAS dan Cawangan D & E beroperasi di kawasan MPSPK.

Serahan kutipan bagi cawangan A, B & C perlu dibuat kepada MBAS menggunakan tiga (3) BORANG PB-S bagi setiap cawangan dan boleh disertakan dengan satu cek untuk jumlah kutipan bagi ketiga-tiga cawangan A, B dan C tersebut. Kaedah yang sama boleh digunapakai bagi serahan di MPSPK.

- (viii) PBT akan mengeluarkan resit sebagai bukti penerimaan serahan kutipan beg plastik dari premis perniagaan. Bukti serahan kutipan juga akan dijadikan syarat bagi memperbaharui lesen premis perniagaan.

6.3 PENGECUALIAN KUTIPAN

- (i) Premis perniagaan yang berdaftar dengan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah dan tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna perlu juga membuat serahan bulanan kepada PBT menggunakan BORANG PB-S dengan **deklarasi TIADA KUTIPAN**.
- (ii) Premis perniagaan yang menyerahkan BORANG PB-S dengan deklarasi **TIADA KUTIPAN** selama **tiga (3) bulan** berturut-turut boleh mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis kepada PBT bagi pengecualian daripada membuat serahan kutipan secara bulanan untuk bulan-bulan yang berikutnya.
- (iii) Semakan akan dilaksanakan oleh PBT di premis perniagaan yang mengemukakan permohonan pengecualian kutipan bagi tujuan pengesahan bahawa premis perniagaan berkenaan tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna.

- (iv) Premis perniagaan **yang telah disahkan tidak membekalkan beg plastik** kepada pengguna akan diberikan **SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI KEDAH**.
- (v) Premis perniagaan perlu menyerahkan SIJIL PENYERTAAN PREMIS KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK NEGERI KEDAH kepada PBT sebagai syarat untuk digantikan dengan SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI KEDAH yang perlu dipamerkan di premis perniagaan.
- (vi) Premis perniagaan yang telah diberikan SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI KEDAH tidak perlu lagi membuat serahan kutipan bulanan kepada PBT.
- (vii) SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI KEDAH perlu diperbaharui setiap tahun oleh premis perniagaan setelah ianya tamat tempoh.

7.0 PENUTUP

- 7.1 Garis Panduan Penguatkuasaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Kedah 2019 diwujudkan dan dikuatkuasakan berdasarkan kepada maklumat sedia ada semasa ianya dirangka. Kerajaan Negeri Kedah berhak meminda dan menambahbaik garis panduan ini sekiranya perlu berpandukan perkembangan terkini dan keperluan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN A1

**Senarai pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
Negeri Kedah Darul Aman.**

1. Yang Berbahagia Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Alor Setar
Jalan Kolam Air
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman
Tel: 04-7332499 Faks: 04-7334377

2. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sungai Petani
Kompleks Pejabat MPSPK
Jalan Patani
08000 Sungai Petani,
Kedah Darul Aman.
Tel: 04-4296669 Faks: 04-4296656

3. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim
No 1, Lebuhr Bandar 2
Bandar Putra
09000 Kulim, Kedah
Tel: 04-4325225 Faks: 04-4325229

4. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kubang Pasu
Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu
06000 Jitra, Kedah
Tel: 04-9183300 Faks: 04-9174057

5. Yang Dipertua
Majlis Daerah Baling
09100 Baling, Kedah
Tel: 04-4701800 Faks: 04-4701580

6. Yang Dipertua
Majlis Daerah Sik
08200 Sik, Kedah
Tel: 04-4695394 Faks: 04-4695448

7. Yang Dipertua
Majlis Daerah Padang Terap
06300 Kuala Nerang, Kedah
Tel: 04-7866328 Faks: 04-7866639
8. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
07000 Kuah, Langkawi, Kedah
Tel: 04-9660107 Faks: 04-9666158
9. Yang Dipertua
Majlis Daerah Yan
06900 Yan, Kedah
Tel: 04-4655745 Faks: 04-4655990
10. Yang Dipertua
Majlis Daerah Bandar Baharu
09800 Serdang, Kedah
Tel: 04-4077264 Faks: 04-4078873
11. Yang Dipertua
Majlis Daerah Pendang
Aras 3, Wisma MDP
06700 Pendang, Kedah
Tel: 04-7596077 Faks: 04-7596709
12. Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Kulim Hi-Tech
01-02, Administrative Centre
Kulim Hi-Tech Park
09000 Kulim, Kedah
Tel: 04-4032266 Faks: 04-4032277

LAMPIRAN A

BORANG PB-A



PENDAFTARAN KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK NEGERI KEDAH

1. NAMA PERNIAGAAN :
2. NO. PENDAFTARAN :
PERNIAGAAN
3. ALAMAT PREMIS :
4. PEGAWAI UNTUK :
DIHUBUNGI
5. NO. TELEFON : - 6. NO. FAX: -
7. EMEL :
8. JENIS PENDAFTARAN: PENDAFTARAN PERTAMA PEMBAHARUAN [SILA TANDAKAN (/)]
9. NO. PENDAFTARAN : (BAGI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SAHAJA)
KEMPEN
10. KOD JENIS PREMIS : (BAGI PENDAFTARAN PERTAMA SAHAJA)

KOD JENIS PREMIS	
H	Hypermarket
S	Supermarket
D	Departmental Store
C	Convenient Store
F	Fast Food Restaurant
P	Petrol Station Convenient Store
R	Chain Store
Y	Pharmacy
O	Others

Untuk Kegunaan Pejabat:

- NO PENDAFTARAN :
- NOSIRISIJIL :
- TARIKH TAMAT PENDAFTARAN: / /

.....
TANDATANGAN & COP RASMI

LAMPIRAN B

NO. SIRI:

**SIJIL PENYERTAAN PREMIS
KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK NEGERI KEDAH**NAMA PERNIAGAAN : **SYARIKAT NIAGA MCM ENTERPIRISE**NO. PENDAFTARAN
PERNIAGAAN : **P01234567**ALAMAT PREMIS : **NO. 1, JALAN PENDANG – BUKIT RAYA,
KAMPUNG ALOR BUNGA SEN, 06700,
PENDANG, KEDAH.**NO PENDAFTARAN
PREMIS : **MDP 2314 H**TARIKH SAH SIJIL : **1 JANUARI 2019 – 31 DISEMBER 2019**

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA PREMIS PERNIAGAAN INI MERUPAKAN PESERTA DALAM KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK KERAJAAN NEGERI KEDAH. SEHUBUNGAN ITU, CAJ RM0.20 SEN YANG DIKENAKAN BAGI PENGGUNAAN SETIAP HELAIAN BEG PLASTIK OLEH TUAN/PUAN AKAN DISALURKAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN AKAN DIGUNAKAN BAGI TUJUAN PROGRAM-PROGRAM KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN DI DAERAH MASING-MASING.

[Tandangan & Cop Rasmi PBT]



LAMPIRAN C

BORANG PB-S



**BORANG SERAHAN KUTIPAN
KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK NEGERI KEDAH**

1. NAMA PERNIAGAAN:
2. NO. PENDAFTARAN :
KEMPEN
3. SERAHAN BAGI : BULAN TAHUN
4. JUMLAH SERAHAN : RM..... 5. NO. CEK:.....
6. REKOD INVENTORI BULANAN UNIT PENGGUNAAN BEG PLASTIK:

BULAN:..... TAHUN:.....	
BAKI AWAL	
+ TAMBAHAN INVENTORI	
- PENGGUNAAN BULAN SEMASA	
BAKI AKHIR	

.....
**TANDATANGAN & COP RASMI
PERNIAGAAN**

Nota : Amaun serahan mesti selaras dengan penggunaan bulan semasa.

Untuk Kegunaan Pejabat:

NO. RESIT :

.....
TANDATANGAN & COP RASMI